

# B U L E T I N



## Persidangan 9th ICYC 2024 Tumpu Inovasi Hijau dalam Bidang Kimia

Pusat Pengajian Sains Kimia, Universiti Sains Malaysia, telah menganjurkan Persidangan International Conference for Young Chemists ke-9 (9th ICYC 2024) dari 9 hingga 11 Oktober 2024 bertempat di Hotel Bayview Georgetown, Pulau Pinang. Persidangan ini telah menarik minat ramai penyelidik muda dari pelbagai negara termasuk Indonesia, China, Thailand, Hong Kong, Kazakhstan, Perancis, Sepanyol, Nigeria, dan Filipina.

Persidangan 9th ICYC 2024 telah dirasmikan oleh Dekan Pusat Pengajian Sains Kimia, Profesor Dr. Rohana Binti Adnan. Dalam ucapan perasmianya, beliau menekankan bahawa persidangan ini menyediakan platform penting bagi penyelidik muda untuk membentangkan hasil penyelidikan mereka melalui sesi pembentangan dan poster. Selain itu, persidangan ini juga memainkan peranan sebagai pemangkin kepada pertukaran pengetahuan dan pembentukan kerjasama dalam usaha memajukan inovasi kimia lestari.



# Bertemakan "Green Innovation in Chemistry: Catalyzing Sustainable Solutions for a Greener Tomorrow".



## Pembentangan & Poster



## Persidangan International Conference for Young Chemists ke-9

**(9th ICYC 2024)  
9 - 11 Oktober 2024  
Hotel Bayview  
Georgetown, Pulau  
Pinang**



## Tahniah

Tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan persidangan ini, yang pastinya akan memberi impak besar terhadap kemajuan penyelidikan kimia di peringkat global.